

Perhatikan **penggunaan kata** dan **struktur ayat**. Seret jawapan yang betul.

Adakah anda mencari-cari sebuah mesin inovasi yang boleh membantu anda di dapur? Tentu ramai yang ingin memilikinya.

Oleh itu, syarikat barangan elektrik telah mengeluarkan sebuah produk elektrik berinovasi. Mereka menambah baik **peranan**, _____ di samping mengutamakan faktor penjimatan dan keselamatan. Produk berinovasi **mesin pencuci pinggan mangkuk ialah tersebut**. _____.

Mesin ini **menggosok** _____ perkakasan dapur seperti sudu, cawan, pinggan dan mangkuk dengan lebih **bijaknya**. _____. Fungsinya seperti mesin pencuci baju. **di rak antikarat, perkakasan kotor yang disusun elok Dengan mesin ini**. _____.

Antara fungsi canggihnya termasuklah kitaran basuhan sehingga 360 darjah. Tujuannya untuk memberikan **nilai** _____ basuhan yang cekap dari segenap sudut. **Dapat memastikan tersingkir kuman sepenuhnya kuasa pancuran dengan air sejuk dan air panas**. _____.

Mesin ini juga dilengkapi dengan teknologi pengeringan wap pantas. **Seperti sistem kunci automatik dan pengesan litar pintas keselamatan ciri-ciri juga tersedia**. _____.

Mesin ini bertugas dengan senyapnya dan bunyi yang minimum.

Perkakasan yang siap dicuci dikeluarkan daripada mesin apabila sistem pembunyi digital berbunyi. Inilah inovasi yang dapat **mengehadkan** _____ tugas harian di dapur.

mencuci	membilas	tugas
meringankan	tahap	membebankan
mengelap	sempurna	fungsi

Ciri-ciri keselamatan seperti sistem kunci	tersebut ialah
Dengan mesin ini, perkakasan yang kotor	dapat memastikan kuman tersingkir sepenuhnya.
automatik dan pengesan litar pintas juga tersedia.	mesin pencuci pinggan mangkuk
disusun elok di rak antikarat	Kuasa pancuran dengan air sejuk dan air panas